

SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM DI SICILY

Mahayuddin Hj Yahya

KEDUDUKAN GEOGRAFI SICILY

Sicily ialah sebuah pulau di Itali. Yang memisahkan pulau Sicily dengan tanah besar Itali ialah Selat Messina. Ia merupakan pulau yang terbesar di Lautan Mediterranean, iaitu kira-kira 25,708 km persegi. Kedudukan pulau ini terletak tidak jauh dari negeri-negeri Afrika utara (Maghribi, Algeria, Tunisia, Libya dan Mesir). Sicily telah dibahagikan kepada tiga bahagian: Val di Mazara, Val di Noto dan Val Demone. Pembahagian geografi pulau Sicily ini sangat penting pada zaman pemerintahan Islam. Islam telah menjadi agama rasmi di Val di Mazara manakala dua bahagian yang lain itu kebanyakan penduduknya terdiri daripada orang-orang Kristian.

PEMBUKAAN SICILY

Pada zaman perluasan wilayah Islam pada masa pemerintahan khalifah Umar bin al-Khattab (634-644M) Sicily berada di bawah pemerintahan kerajaan Byzantine. Mereka menjadikan Sicily sebagai markaz tentera bagi menyerang orang Arab di Barqah (Libya). Pada waktu itu belum ada usaha atau percubaan untuk menyebarkan agama Islam ke Sicily. Apabila sampai zamah khalifah 'Uthman bin Affan (644-656 M) usaha ke arah itu mula dilakukan. Pada tahun 656 M gabenornya di Syria, Mu'awiyah bin Abi Sufyan telah menghantar suatu ekspedisi ketenteraan pimpinan Mu'awiyah bin Khudayj.¹ Walaupun beliau gagal menawan Sicily, tetapi beliau telah berjaya membawa balik harta rampasan perang yang banyak ke Damsyik (Syria).²

Serangan kedua tentera Islam ke atas Sicily dilakukan pada tahun 667, iaitu setelah Mu'awiyah bin Abi Sufyan menjadi khalifah, sementara panglima perangnya, Mu'awiyah bin Khudayj pada masa itu dilantik menjadi Gabenor Mesir. Mu'awiyah b. Khudayj telah menghantar suatu ekspedisi dari Mesir pimpinan Abdullah bin Qays ke Sicily. Ekspedisi kali ini juga telah menghasilkan

harta rampasan perang yang banyak termasuk emas dan perak, dan harta-harta ini dijual ke India dengan harga yang tinggi.³

Pada zaman Abdul Malik bin Marwan (685-705 M) Gabenor Afrika utara, Hasan bin Nu'man, pada tahun 694 telah berjaya menawan Carthage, dan justeru itu ramai di antara tentera Byzantine dan Barbar melarikan diri ke Sicily. Di permulaan abad ke-8 M, beberapa serangan lagi telah dilancarkan oleh tentera Arab ke atas Sicily, tetapi tidak kesemuanya berjaya.⁴

Ketika Musa bin Nusayr menjadi Gabenor Afrika Utara lebih banyak serangan dilakukan oleh tentera Islam ke atas Sicily. Ini adalah disebabkan oleh kerana Sepanyol (al-Andalus) pada ketika itu jatuh ke tangan orang Islam (lihat penaklukan Islam di Sepanyol). Pada tahun 704 M Musa menghantar tenteranya di bawah pimpinan anaknya, Abdullah, bagi menyerang Balearics, Sicily dan Sardinia. Dalam serangan ke atas Sicily beliau telah berjaya menawan sebuah bandar di sana dan membawa pulang harta rampasan perang yang banyak. Jika harta ini dibahagi-bahagikan kepada tentera yang menyertai ekspedisi itu nilainya berjumlah 100 dinar setiap orang. Pada tahun 710 M Musa sekali lagi menghantar ekspedisi tentera ke Sicily dan mencapai kejayaan. Pada tahun 727 tentera Islam pimpinan Bishr bin Safwan menyerang Sicily. Dalam ekspedisi ini mereka telah berjaya menawan ramai tentera Byzantine. Setelah itu penggantinya, 'Ubaidah bin Abdul Rahman menghantar tenteranya pimpinan 'Uthman bin Abi Ubaydah. Pada tahun 729 satu lagi ekspedisi dihantar ke Sicily pimpinan Mustanir bin al-Hadith. Kedua-dua ekspedisi ini tidak mencapai kejayaan yang diharapkan.

Pada tahun 730 Abdul Malik bin Qatan mengetuai tentera Syria menyerang Sicily. Tiga tahun kemudian, Ubaydah, Gabenor Ifriqiya (Tunisia) menghantar sepasukan tentera pimpinan panglima tenteranya, Abu Bakar bin Suwayd ke Sicily, tetapi tidak mencapai sebarang kejayaan. Setelah itu 'Ubaydullah bin Habib dihantar ke sana dengan tentera-tenteranya, tetapi menerima nasib yang sama. Pada tahun 740 beliau sekali lagi dihantar dan pada kali ini melakukan serangan secara besar-besaran ke atas Sicily, pimpinan Habib bin Abi Ubaydah bagi tujuan untuk menawan Sicily. Setelah berjaya menawan beberapa kawasan di Sicily, beliau dipanggil pulang oleh Gabenor bagi memadamkan api pemberontakan yang dilakukan oleh kaum Barbar di Tunisia. Begitu juga anaknya, Abdul Rahman, selepasnya cuba menawan Sicily tetapi dipanggil pulang kerana sebab-sebab yang sama pada tahun 753.

Oleh kerana keadaan tidak tenteram di Afrika utara di mana terletaknya kekuatan tentera Islam di kawasan Mediteranean

menyebabkan Constantine V berupaya mempertahankan kedudukannya di Sicily dari serangan tentera Islam. Setelah itu hampir setengah abad tentera Islam tidak menyerang Sicily, malah di sebaliknya tentera Byzantine pula menyerang orang-orang Islam di Afrika utara. Bagi menangkis serangan ini Harthamah bin A'yan, Gabenor Afrika utara, terpaksa membina sebuah pengkalan tentera di Tripoli (Liyba) dan Monastir pada tahun 796 M.⁵ Dalam pada itu khalifah Abbasiyyah, Harun al-Rashid, cuba berbaik-baik dengan kerajaan Byzantine di Sicily bagi mewujudkan suasana damai di kawasan tersebut bagi tujuan memajukan aktiviti perdagangan. Pada zaman tersebut perdagangan dua hala antara Sicily dan negeri-negeri di Afrika utara diwujudkan. Kira-kira pada tahun 801 M khalifah Harun al-Rashid telah menghantar wakilnya yang diketuai oleh Ibrahim bin al-Aghlab bagi menemui Charlemagne. Mereka sampai di Pisa dan menyerahkan surat tauliah kepada maharaja Byzantine yang pada ketika itu sedang berkhidmat di kawasan antara Vercelli dan Ivrea.⁶ Setelah itu Ibrahim bin al-Aghlab telah dilantik oleh khalifah sebagai pemerintah di Afrika utara dan diberi kuasa autonomi mengendalikannya dan juga kawasan di sekitarnya. Sebagai balasannya beliau dikehendaki membayar sebanyak 40,000 dinar setahun kepada khalifah. Dalam pada itu Ibrahim telah menghadapi masalah bahaya ancaman tentera Byzantine di perairan Mediteranean. Bagi mengelakkan bahaya itu beliau telah menandatangani perjanjian damai selama 10 tahun dengan Constantine, pembesar kerajaan Byzantine di Sicily. Perjanjian damai itu tidak mendapat sokongan daripada pimpinan-pimpinan Islam di Afrika utara. Walaupun kerajaan Aghlabiyah tidak menyerang Sicily dalam tempoh tersebut, saingannya di Sepanyol iaitu kerajaan Bani Umayyah dan kerajaan Idrisiyyah di Maghribi telah menyerang Corsica dan Sardinia antara tahun 806-821 M.⁷

Kerajaan Aghlabiyah di bawah pimpinan Abu al-'Abbas Abdullah bin Ibrahim yang mula memerintah pada tahun 812 M telah mengubah dasar bapanya yang menumpukan kepada keamanan dan kegiatan perdagangan kepada kegiatan ketenteraan. Abu al-Abbas telah membina suatu angkatan tentera laut yang kuat. Berita ini telah disampaikan kepada kerajaan Byzantine di Sicily oleh orang-orang Kristian yang tinggal di negeri-negeri di bawah pemerintahan kerajaan Aghlabiyah. Sebagai *response*, pihak Byzantine di Sicily telah memperkukuhkan kedudukan tentera lautnya. Namun begitu, pihak Byzantine merasa bimbang dengan kekuatan tentera Islam, lalu menawarkan perjanjian damai kali kedua selama 10 tahun lagi dengan kerajaan Aghlabiyah bermula pada tahun 814 M. Dalam

tempoh tersebut kedua-dua pihak bertukar-tukar orang tawanan, dan juga hal yang berkaitan dengan keamanan pada pedagang dikedua-dua pihak diperbincangkan.⁸ Walau bagaimanapun perjanjian itu terhenti pada tahun 819 M apabila tentera kerajaan Aghlabiyah pimpinan Muhammad b. Abdullah b. al-Aghlab menyerang Sicily. Sejak tarikh itu tentera Aghlabiyah terus menerus menyerang Sicily sehingga berjaya menguasai seluruh pulau itu pada tahun 902 M.

SICILY PADA ZAMAN AGHLABIYAH

Antara tahun 903-909 M Sicily diperintah oleh lima orang gabenor Aghlabiyah, dan yang terakhir ialah Ahmad bin Abi Husain. Gabenor-gabenor ini digelar amin, wali atau sahib. Dalam tempoh pemerintahan Aghlabiyah selama kira-kira 6 tahun di Sicily mereka telah berjaya mewujudkan mata wang sendiri dengan nama Amir Aghlabiyah. Dan di dalam khutbah-khutbah Jumaat namanya disebut bersama khalifah Abbasiyyah di Baghdad.

Dari segi pemerintahan dan struktur pentadbiran kerajaan Islam di Sicily adalah serupa dengan sistem dan struktur pentadbiran kerajaan-kerajaan Islam lain ketika itu. Cuma yang berbeza ialah dari segi struktur Majlis Perbandaran. Struktur Majlis Perbandaran Sicily mengikut struktur Majlis Perbandaran di Afrika utara yang dipanggil Juma'ah. Majlis Perbandaran atau Juma'ah ini dianggotai oleh ketua-ketua kaum bangsawan, kadi-kadi, para hartawan dan ketua-ketua persatuan pertukangan. Badan ini bertanggungjawab membiayai projek-projek saluran air telaga dan masjid. Di samping itu ia membantu kaum musafir yang miskin.⁹

Cukai yang dikenakan, sama ada cukai kepala (*jizyah*) atau cukai perniagaan ke atas orang-orang berkenaan jauh lebih rendah dari kadar yang dikenakan pula zaman Byzantine. Cukai ke atas binatang-binatang yang digunakan untuk membawa barang-barang berat dan tujuan mengembala sawah seperti kuda, kerbau, lembu dan lain-lain dihapuskan. Pada zaman Byzantine cukai ke atas binatang-binatang tersebut dikenakan yang menyebabkan kaum tani merasa susah dan akibatnya projek-projek pertanian tergendala. Di samping itu cukai tanah (*kharaj*) diperkenalkan. Dengan cara ini tanah-tanah yang terbiar secara otomatis diusahakan bagi mendapatkan hasil bentuk membayar cukai.¹⁰

Pada zaman Aghlabiyah, tanah di Sicily dibahagikan kepada empat jenis: tanah orang Islam yang dimiliki sebelum ia memeluk Islam, sama ada melalui kurniaan atau menerusi pertanian. Kedua

ialah tanah orang kafir yang dikenakan cukai, ketiga tanah yang dikenakan cukai secara terus menerus, samada milik orang Islam atau orang kafir. Keempat tanah kerajaan. Pada zaman ini juga sistem tanah kurnia secara percuma turut diperkenalkan bagi kepentingan golongan tentera. Tanah-tanah kurnia ini pada kebiasaannya diperolehi dari tanah-tanah yang ditinggalkan oleh orang-orang Kristian. Bekas-bekas tentera ini terdiri daripada orang-orang Arab yang diistilahkan sebagai *jund*. Di Sicily mereka ini telah terbahagi dua: ada yang terus menjadi tentera dan ada yang menjadi pegawai dan kakitangan awam. Mereka ini tinggal di bandar-bandar dan markaz-markaz tentera yang berhampiran dengan tanah-tanah mereka. Akhirnya mereka menjadi tuan-tuan tanah yang kaya-raya, dan seterusnya menjadi golongan pendesak terhadap keamanan dan kestabilan negara.¹¹ Pemerintahan Aghlabiyah di Sicily berakhir pada tahun 909 M dan setelah itu disambung oleh pemerintahan kerajaan Fatimiyyah.

SICILY PADA ZAMAN FATIMIYYAH

Pada tahun 909 M pemerintahan Aghlabiyah di Ifriqiya (Tunisia), Algeria dan Sicily berakhir dengan berlakunya pemberontakan keluarga Fatimiyyah.

Keluarga Fatimiyyah pimpinan 'Ubaidullah al-Mahdi telah mendapat sokongan kuat daripada kaum Barbar di Tunis. Akhirnya beliau telah dilantik menjadi khalifah pertama kerajaan Fatimiyyah yang berpusat di Tunisia (Ifriqiya) pada tahun 909 M bagi menggantikan pemerintahan Aghlabiyah. Justeru itu, ramai kaum keluarga dan penyokong-penyokong kerajaan Aghlabiyah dari golongan sunni melarikan diri ke Sicily.¹² Di Sicily, gabenor yang disingkir pada zaman Aghlabiyah, Ali bin Ahmad bin Abi al-Fawaris, telah bertindak menyokong kerajaan Fatimiyyah. Akhirnya beliau dilantik menjadi wakil kerajaan Fatimiyyah di Sicily. Beliau telah berjaya menewaskan penyokong-penyokong keluarga Aghlabiyah serta menangkap Gabenor Aghlabiyah yang terakhir, Ahmad b. Abi Husain. Setelah itu Ali bin Ahmad dilantik menjadi Gabenor Sicily oleh khalifah Ubaidullah al-Mahdi. Tetapi tidak lama selepas itu beliau disingkirkan dan tempatnya diambilalih oleh panglima tentera Fatimiyyah bernama Hasan bin Ahmad yang dikenali dengan gelaran Ibn Abi Khinzir pada tahun 910 M. Pada ketika itu seorang Kadi baru, Ishaq bin Abi al-Minhal, turut dilantik. Beliau telah menyebut nama khalifah al-Mahdi di dalam khutbah yang disampaikan di masjid Palermo. Pada tahun 192 M

gabenor baru bernama Ali bin 'Umar al-Balawi dilantik bagi menggantikan Ibn Abi Khinzir. Perlantikan dibuat hasil desakan kaum pemberontak.¹³

Antara tahun 912-913 M golongan bangsawan Arab pimpinan Ziyadatullah b. Qurhub telah muncul di Palermo. Ziyadatullah adalah penganut mazhab Sunni dan mempunyai hubungan kekeluargaan dengan keluarga Aghlabiyah. Pada masa yang sama muncul pula kaum Barbar anti-kerajaan Fatimiyyah di Girgenti. Kaum pemberontak Arab dan Barbar ini telah bersatu tenaga di bawah pimpinan Ziyadatullah menentang kerajaan Fatimiyyah di Sicily. Ziyadatullah kemudiannya dilantik menjadi Amir Sicily dan seterusnya memberi sokongan kepada kerajaan Abbasiyyah yang pada ketika itu di bawah pemerintahan khalifah al-Muqtadir (908-932 M). Dalam tempoh ini ramai para ulama Malik dari Afrika utara berpindah ke Sicily.

Pada tahun 914 Ziyadatullah telah berjaya menumpaskan angkatan tentera laut Fatimiyyah di Flotilla. Antara tahun 915-916 beliau menghantar suatu ekspedisi menentang tentera Itali di tanah besar Itali. Akibat daripada serangan ini memaksa Eustathius, wakli kerajaan Byzantine di Calabria membayar ufti kepada kerajaan Islam Sicily. Sebelum Ziyadatullah sempat memperkukuhkan kedudukannya berlaku pemberontakan kaum Barbar di Girgenti dan dari sana merebak ke tempat-tempat lain. Kaum pemberontak Barbar ini meminta pertolongan khalifah Fatimiyyah al-Mahdi. Akhirnya Ziyadatullah ditangkap dan dihukum bunuh.¹⁴ Al-Mahdi telah menghantar bala tenteranya yang terdiri daripada kaum Barbar dari Afrika utara untuk menawan semula Sicily. Hasil serangan ini seluruh Sicily dapat ditawan semula oleh kerajaan Fatimiyyah. Pada tahun 917 M al-Mahdi telah melantik gabenornya di Sicily iaitu Salim bin Rashid yang memerintah selama 20 tahun. Pada tahun 937 M berlaku pemberontakan anti Salim di Girgenti dan Palermo. Pada ketika itu khalifah al-Mahdi telah meninggal dunia (934 M) dan tempatnya diganti oleh anaknya al-Qa'im (934-946 M). Justeru itu Salim disingkir dan tempatnya digantikan oleh Khalil bin Ishaq. Setelah berjaya menawan Mazara Khalil dipanggil pulang ke Tunisia bagi menyelesaikan masalah kaum pemberontak di sana.¹⁵ Gabenor Sicily yang baru ialah Hasan bin Ali al-Kalbi yang dilantik oleh khalifah yang baru, iaitu khalifah al-Mansur (946-953 M). Hanya setahun khalifah al-Mansur memerintah Sicily jatuh ke tangan pimpinan baru dari keturunan Arab dari suku Kalb.

Sicily pada zaman Fatimiyyah tidak banyak berubah dari segi demografinya. Penduduk yang beragama Islam tetap bertumpu

ke kawasan Val di Mazara, manakala orang Kristian tertumpu ke bahagian timur, khususnya di Val Demone.

SICILY PADA ZAMAN KERAJAAN KALBIYAH

Sebelum perlantikan Hasan bin Ali al-Kalbi, yang disebutkan di atas, Bani al-Tabari daripada keturunan Parsi bangun memberontak di Palermo pada tahun 947 M. Sewaktu pemberontakan ini berlaku Hasan bin Ali al-Kalbi dilantik menjadi Gabenor Sicily bagi pihak kerajaan Fatimiyyah bagi tujuan melawan kaum pemberontak tersebut. Gabenor yang baru dilantik itu telah berjaya menumpaskan Bani al-Tabari dan seterusnya mendirikan kerajaan Kalbiyah di Sicily. Kerajaan ini telah memerintah Sicily lebih daripada 90 tahun.¹⁶

Dinasti Kalbiyah telah mewakili kerajaan Fatimiyyah menerusi pimpinannya yang pertama Hasan bin Ali. Beliau telah menyerang Itali dua kali (950 dan 952 M). Hubungan Hasan dengan khalifah Fatimiyyah sentiasa terjalin mesra. Sewaktu khalifah Fatimiyyah, al-Mansur, meninggal dunia dan tempunya diganti oleh anaknya, al-Mu'izz (953-975 M). Hasan kembali ke Mahdiyyah, pusat pemerintahan kerajaan Fatimiyyah di Afrika Utara, untuk memberi bantuan perkhidmatan kepada kerajaan Fatimiyyah, manakala di Sicily beliau mewakilkan anaknya, Ahmad, untuk mentadbir pulau itu. Dalam tempoh antara tahun 958-1963 M Hasan dan anaknya telah melakukan beberapa ekspedisi tentera ke tanah besar Itali. Justeru itu beberapa buah bandar di selatan Itali terpaksa membayar jizyah (cukai kepala) kepada kerajaan Aghlabiyah Sicily. Dalam masa itu juga beliau dan sepupunya, Hasan b. Ammar, telah berjaya menawan bandar Toormina setelah ia dikepung selama tujuh setengah bulan. Bandar ini kemudiannya digelar Mu'izziyah, mengambil sempena nama khalifah Fatimiyyah, al-Mu'izz.

Puak Kristian Rametta, meminta bantuan daripada Maharaja Byzantine, Nicephorus Phocas. Maharaja itu telah menghantar bala tentera dari keturunan Armenia, Rusia dan Thracia pimpinan Nicetas. Mereka telah bertempur dekat Messina dan tentera Hasan di pihak yang menang, dan Nicetas ditawan dan dihantar ke Tunisia. Sewaktu melakukan pengepungan ke atas Rametta, Hasan meninggal dunia iaitu pada tahun 965 dan tempatnya diganti oleh anaknya, Ahmad.

Pada hakikatnya kerajaan Fatimiyyah tidak berhasrat untuk menyerahkan Sicily kepada keluarga Kalb; keluarga ini dilantik hanya untuk sementara waktu sahaja. Setelah Ahmad bin Hasan

memerintah beberapa tahun beliau dipanggil pulang bersama-sama kaum keluarganya ke Tunisia oleh khalifah al-Mu'izz. Sepeninggalan mereka Sicily ditadbir oleh Y'ish, salah seorang khadam Hasan. Oleh kerana Ya'ish tidak mampu menunjukkan kebolehannya lalu beliau dipanggil balik ke Tunisia. Tempat beliau diambilalih oleh pemimpin baru yang dilantik oleh khalifah al-Mu'izz iaitu Abu al-Qasim Ali bin Hasan sebagai pemangku Ahmad bin Hasan yang sedang berada di Tunisia. Tetapi tidak lama selepas itu Ahmad bin Hasan meninggal dunia dan Abu al-Qasim disahkan sebagai Gabenor Sicily pada tahun 970 M. Sejak itulah keluarga suku Kalb dianggap pewaris kerajaan Fatimiyyah di Sicily. Pada tahun 972 M pusat pemerintahan Fatimiyyah di Mahdiah dipindahkan di Kahirah. Ini bererti bahawa pemerintahan Kalbiyah di Sicily menjadi lebih bebas lagi. Tambahan pula wakil kerajaan Fatimiyyah di Tunisia, Bulukkin, dari Bani Ziri tidak diberikan kuasa ke atas Sicily. Sebab-sebab lain yang menjadikan kerajaan Kalbiyah Sicily lebih kukuh ialah sambutan yang diberikan oleh rakyat di pulau itu terhadapnya agak memberangsangkan. Kewujudan kerajaan Kalbiyah yang setia di Sicily dapat membantu aktiviti angkatan laut kerajaan Fatimiyyah di kawasan perairan di situ. Kesetiaan kerajaan Kalbiyah terhadap kerajaan Fatimiyyah yang tidak berbelah bagi sejak awal-awal lagi telah memberi kepercayaan kepada kerajaan Fatimiyyah dan seterusnya menerima gelaran-gelaran kehormat daripada mereka.

Abu al-Qasim mati terbunuh dalam peperangan menentang tentera Kristian di Itali dan penduduk Sicily melantik pula anaknya, Jabir, menjadi amir di Sicily. Perlantikan Jabir direstui oleh khalifah Fatimiyyah, al-'Aziz, di Kahirah. Oleh kerana kelemahannya dari segi pentadbiran, maka tidak lama selepas itu (983 M), Jabir disingkir dan tempatnya diganti oleh Ja'far b. Muhammad al-'Aziz juga dari suku Kalb. Ja'far telah berupaya mengembalikan keamanan dan kemakmuran Sicily. Beliau telah dihormati oleh golongan bangsawan oleh kerana ketinggian ilmunya dan oleh masyarakat bawahan kerana kemurahannya. Tetapi usia pemerintahannya tidak panjang. Selepas tiga tahun memerintah beliau meninggal dunia dan tempatnya digantikan oleh anaknya, Abu al-Futuh Yusuf, yang digelar *Thiqat al-Din wa al-Dawlah*. Beliau merupakan seorang pemimpin yang berkebolehan dan telah melancarkan beberapa ekspedisi ke selatan Itali. Beliau terkenal dengan keadilan dan kemurahan hati.¹⁷ Pada zaman beliau terkenal sebagai zaman kesusasteraan di Sicily.

Pada tahun 998 M Yusuf jatuh sakit dan tidak berupaya memerintah lalu digantikan oleh anaknya, Ja'far, yang diberi

gelaran Taj al-Dawlah oleh khalifah Fatimiyyah. Beliau telah mengamalkan kuasa pentadbiran yang lebih bebas dari pengawalan kerajaan Fatimiyyah dari pemimpin-pemimpin sebelumnya. Beliau mempunyai menteri-menterinya sendiri yang dipanggil *hajib*; penyair-penyair Sicily menggelarnya *malik* (raja). Namun begitu, beliau tidak memiliki sifat-sifat kepimpinan yang tinggi sepertimana bapanya. Beliau tidak menunjukkan sikap toleransi, malah bersifat kasar dan tamak haloba. Sesungguhnya zaman beliau menampakkan bibit-bibit kejatuhan kerajaan Kalbiyah Sicily. Pada tahun 1015 M beliau ditentang oleh saudaranya, Ali bin Yusuf dan dibantu oleh kaum Barbar dan hamba-hamba Negro. Tetapi pemberontakan ini dapat dipadamkan dan Ali dapat ditangkap dan dihukum bunuh. Selepas itu beliau mengenakan cukai ke atas gandum dan buah-buahan sebanyak 10%. Tindakan ini telah ditentang sehingga berlaku satu lagi pemberontakan di Palermo pada tahun 1019. Bapanya, Yusuf, yang pada ketika itu mengidap sakit mati sebelah badan telah campur tangan dan seterusnya memecat anaknya itu dan tempatnya diambilalih oleh anaknya yang kedua, Ahmad al-Ak'hal. Sebaik sahaja dilantik al'Akhal dikurniakan gelaran Ta'yid al-Dawlah oleh khalifah Fatimiyyah, al-Hakim. Al-Ak'hal telah berjaya menewaskan tentera Byzantine di perairan Reggio menerusi pertolongan tentera Bani Ziri dari Tunisia. Antara tahun 1026-1035 M tentera Bani Kalb dan Bani Ziri telah melancarkan beberapa serangan ke atas wilayah Byzantine, termasuk Illyria, dan beberapa kepulauan Greek dan pantai Thrace. Akhirnya pihak Byzantine terpaksa mengadakan perjanjian damai dengan kerajaan Kalbiyah.¹⁸ Pada tahun 1038 M al-Ak'hal telah diserang oleh kaum pemberontak pimpinan Abu Hafs yang dibantu oleh Bani Ziri dari Tunisia dan ditangkap dan seterusnya dihukum bunuh.

Antara tahun 1037-1038 tentera Byzantine telah menyerang Messina dengan bantuan tentera Sicily seramai 15,000 orang pimpinan Maniakes. Maniakes hanya dapat menawan Messina setelah menjalankan pengepungan selama dua tahun walaupun ia telah dibantu oleh tentera Rusia dan Norman.¹⁹ Selepas itu tentera Byzantine menyerang lagi dan berjaya menawan Rametta. Selepas kemenangan ini (1041 M) hampir kesemua bandar Sicily jatuh ke tangan mereka. Pada tahun berikutnya (1042 M) kerajaan Kalbiyah berkuasa semula di kawasan-kawasan yang ditakluki itu di bawah pimpinan Hasan bin Samsam (Samsh al-Dawlah).

Pada zaman Hasan, Sicily terbahagi kepada beberapa bahagian dan setiap bahagian diperintah oleh seorang panglima tentera (*qa'id*). Pada tahun 1044 Hasan disingkirkan dan dengan itu maka berakhirlah kerajaan Kalbiyah di Sicily. Setelah itu Sicily diperin-

tah oleh kaum bangsawan dan yang terkuat di kalangan mereka ialah Ibn Hawwas yang memerintah kawasan Castrogiovanni, Girgenti dan Castronovo.

Antara tahun 1053-1060 M muncul pula Ibn al-Thumnah yang digelar al-Qadir billah di Syracuse. Beliau telah berjaya melebihi pengaruh Ibn Hawwas di Palermo, tetapi kemudiannya beliau tertewas di tangan Ibn Hawwas. Ibn al-Thumnah cuba berbaik-baik dengan kaum Norman dan menyerahkan Sicily kepada mereka, tetapi tidak berjaya. Walau bagaimanapun, sumber-sumber Arab bersepakat bahawa sebab-sebab utama kejatuhan kerajaan Islam di Sicily ialah oleh kerana perasaan cemburu dan irihati yang menyebabkan berlaku pertelingkahan di kalangan pemimpin-pemimpin Islam yang akhirnya membawa kepada kejatuhannya.²⁰

KEADAAN MASYARAKAT ISLAM SICILY

Penempatan penduduk yang beragama Islam di Sicily pada zaman pemerintahan Bani Kalb sama seperti zaman Aghlabiyah tertumpu ke kawasan Val di Mazara manakala di kawasan Val Demone majoriti penduduknya beragama Islam ke kawasan Val Demone, tetapi kurang berjaya. Walau bagaimanapun penduduk beragama Islam pada zaman Bani Kalb semakin bertambah akibat penghijrahan penduduk-penduduk Islam dari Afrika utara. Penghijrahan secara beramai-ramai berlaku antara tahun 1004-1005 M, 1015-1016 M, 1018-1-19 M dan 1022-1023 M. Sebab-sebab berlakunya penghijrahan ke Sicily ini berkait rapat dengan kedudukan ekonomi bagi kedua-dua buah negara itu. Pada tahun 1004-1005 M wabak penyakit telah tersebar di Tunisia (Ifriqiya) menyebabkan ramai penduduknya berhijrah ke Sicily.²¹ Angka tertinggi penduduk beragama Islam di Sicily berjumlah setengah juta.²²

Masyarakat Islam Sicily boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan besar; Arab, Barbar dan penduduk tempatan (menyamai golongan *muwallad* di Sepanyol). Mereka ini sering bertelagah, terutama antara Arab dan Barbar. Orang-orang Arab merupakan golongan elit dan mereka menganggap golongan-golongan lain sebagai masyarakat kelas dua. Al-Ak'hal pula telah melaga-lagakan antara pendatang-pendatang baru dengan pendatang-pendatang lama untuk mencari pengaruh dan sokongan. Keadaan seperti ini telah membawa kepada perpecahan di kalangan masyarakat Islam dan sekaligus menjadi salah satu faktor kejatuhan kerajaan Islam Sicily ke tangan orang-orang Kristian.

Majoriti orang Islam Sicily berasal dari keturunan Barbar yang tinggal di Afrika dan Utara dan mereka ini sering diperalatkan oleh golongan elit Arab yang memerintah. Dan mereka ini kebanyakannya menganut mazhab Maliki (atau Hanafi, menurut al-Maqdiri).²³ Di kalangan pemimpin kerajaan Bani Kalb yang menyatakan ketaatsetiaan kepada kerajaan Fatimiyyah dijangka menganut mazhab Syiah Isma'iliyah, sekurang-kurangnya dari segi zahir. Namun begitu, mazhab Syiah tidak berupaya mempengaruhi rakyat bawahan. Oleh kerana pengaruh mazhab sunni lebih menonjol, maka lebih banyak kitab teologi mazhab sunni dihasilkan di Sicily.²⁴ Ini Bermakna bahawa pihak kerajaan yang mengamalkan mazhab Syiah telah melaksanakan dasar toleransi bermazhab secara meluas.

KEDUDUKAN EKONOMI

Sumber ekonomi kerajaan Islam Sicily utama bergantung kepada hasil pertanian dan perindustrian. Kedudukan ekonomi pertanian kerajaan Bani Kalb menjadi kukuh disebabkan sistem perairannya yang baik. Ia menggunakan sistem hidraulik yang diimport dari Parsi. Di samping itu ia menggunakan juga sistem sifon yang diperolehi daripada bangsa Rom.²⁵ Dan kadang kala ia menggunakan sistem penakungan air yang diamalkan oleh orang-orang Arab. Nama-nama sumber dan sukatan air di Sicily menggunakan nama-nama Arab. Oleh kerana kadar air tawar yang melimpah ruah yang mengalir daripada mata-mata air dan anak-anak sungai menyebabkan pulau Sicily kaya dengan hasil tanaman dan pertanian. Di antara hasil tanaman yang diperolehi di Sicily ialah kapas, rami, limau oren dan limau nipis, dan juga pelbagai jenis buah-buahan yang lain. Orang-orang Arab telah membawa benih-benih tebu dan mengajar cara-cara menanamnya di Sicily dan juga di Eropah. Mereka turut memperkenalkan tanaman kertau (*mulberry*), lontar (*papyrus*), bahan-bahan pewarna dan buah-buahan sayur-sayuran yang berdaun dan berisi. Semuanya ini telah membawa kepada suatu perubahan besar dalam perkembangan sektor pertanian di Sicily. Pengaruh Arab/Islam dalam pembinaan ekonomi pertanian Sicily amat jelas kelihatan dari istilah-istilah pertanian yang dipinjam daripada bahasa Arab iaitu bahasa orang-orang Islam ketika itu.

Sumber ekonomi perindustrian tertumpu kepada perindustrian melombong emas, bijih, raksa, belerang, nafta, asid sulfurik (*vitriol*), antimoni dan tawas. Bahan-bahan ini banyak diperolehi

di kawasan Etna dan diekspot keluar negeri. Bahan-bahan kayu-kayan banyak diperolehi di kawasan perhutanan, khususnya di kawasan lembah Cefalu. Di samping itu terdapat juga industri perikanan yang menggunakan teknik baru cara-cara menangkap ikan.

Industri nenunenun kain sutera di Sicily mempunyai pasaran yang luas di luar negeri. Kilang-kilang kain bermutu tinggi terdapat di Corleone dan Palermo. Kebanyakan perusahaan perdagangan luar negeri adalah di tangan orang-orang Arab. Aktiviti perdagangan dilakukan antara Sicily dan Afrika Utara,²⁶ begitu juga dengan negeri-negeri pantai Itali, termasuk Salerno dan Amalfi. Pelabuhan terpenting di Sicily pada zaman Islam ialah pelabuhan Messina.²⁷ Hasil perdagangan ini membawa keuntungan yang besar kepada kerajaan Islam Sicily. Hasil pendapatan negeri seterusnya ialah hasil kutipan cukai tanah (*kharaj*) dan cukai kepada (*jizyah*).

PERTAHANAN DALAM NEGERI

Kerajaan Islam Sicily mempunyai angkatan tentera yang kuat yang diistilahkan sebagai *jund*. Mereka ini dibayar gaji dengan wang tunai oleh Kementerian Kewangan. Setiap daerah mempunyai sebuah unit tentera dan di situ jugalah terletaknya pusat agama dan masjid.

Ia juga mempunyai sistem pertahanan yang kuat. Pada zaman pemerintahan Bani Kalb terdapat sebanyak 320 buah kubu dan benteng pertahanan di seluruh pulau Sicily bagi mempertahankan 23 buah kota dan ratusan bandar yang terdapat di pulau tersebut.

Menurut Ibn Hawqal yang telah melawat Sicily pada tahun 872-873, iaitu pada zaman pemerintahan Abu al-Qasim, bahawa kota Palermo telah di pagar dengan benteng dan kubu. Kota ini telah dibahagikan kepada lima bahagian (*harat*) salah satu daripada bahagian itu terletaknya sebuah istana yang berbenteng kukuh dan mempunyai beberapa buah menara di sekelilingnya. Penduduk Palermo pada ketika itu dianggarkan 300,000 orang.²⁸ Mereka ini terdiri daripada pelbagai keturunan: Arab, Barbar, Greek, Yahudi, Lombard, Saqalibah (Slavs), Parsi, Negro dan Turki. Palermo juga terkenal sebagai sebuah kota yang mempunyai banyak masjid. Ini juga menandakan bahawa masyarakat Islam Sicily, termasuk angkatan tenteranya, kuat beribadat dan berpegang kepada ajaran agama.

KEMAJUAN INTELEKTUAL ISLAM DI SICILY

Terdapat beberapa faktor yang mendorong ke arah perkembangan intelektual pada zaman Islam di Sicily. Pertama ialah kerana guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah dan masjid-masjid dikecualikan daripada perkhidmatan tentera.²⁹ Keadaan ini memberi peluang kepada mereka untuk menumpukan perhatian sepenuhnya kepada bidang pengajaran. Keduanya, golongan pemerintah sama ada dari Bani Kalb atau Aghlabiyah telah menjadi penayang kepada ahli-ahli persuratan Sicily; malah mereka itu sendiri dikatakan aktif dalam bidang penulisan. Ketiganya, ramai para sarjana Islam, khususnya dari Afrika utara, datang ke Sicily, sama ada sebagai orang pelarian atau bertujuan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan. Dan keempatnya, secara kebetulan, pada zaman pemerintahan Islam di Sicily pada abad ke-10 M dan 11 M Qairawan telah menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan di Afrika utara. Ini telah membolehkan penduduk Sicily menimba ilmu pengetahuan dari bandar itu, atau mendapatkan guru-guru untuk mengajar di negeri mereka.

Ramai tokoh ulama dan sarjana Islam yang muncul di Sicily pada abad ke-10 M dan 11 M,³⁰ antaranya ialah Ali bin Hamzah al-Basri (ahli filologi dan sasterawan). Beliau berasal dari kota Basrah dan berhijrah ke Sicily yang meninggal di sana pada tahun 985 M. Ibn Qatta' dan Abu Ali al-Husain juga terkenal dalam bidang kesusasteraan. Mereka ini telah banyak mengkaji dan menulis tentang karya-karya al-Mutanahbi, sasterawan Arab yang terkenal itu.³¹ Dalam bidang qira'at membaca al-Quran pula telah muncul beberapa orang tokoh dari Sicily, di antaranya ialah Muhammad b. Khurasan. Beliau mendapat pendidikan awal di Sicily, setelah itu beliau melanjutkan pelajarannya ke Mesir dan Iran. Beliau kembali ke Sicily dan meninggal di sana pada 996 M. Keduanya Isma'il bin Khalaf juga mahir dalam bidang qira'at. Beliau mendapat pendidikan lanjutan di Mesir dan Sepanyol. Kembali ke Sicily dan meninggal di sana pada tahun 1063 M. Di antara karya-karya beliau berjudul *Kitab al-Unwan fi al-Qira'at*.³²

Dalam bidang hadis pula ialah Abu al-Abbas yang dikatakan bahawa pencatat-pencatat hadis-hadis beliau menjadi guru kepada ulama hadis Abu Daud dan ahli sejarah, Abu Ja'far al-Tabari. Tokoh hadis seterusnya ialah Abu Bakar Muhammad bin Ibrahim al-Tamimi. Beliau juga terkenal sebagai ahli sufi.

Lain-lain tokoh hadis yang hanya tinggal nama-nama sahaja ialah Ibn Fara, Musa bin Hasan, Abdul Rahman bin Muhammad

Bakar, Hasan bin Ali (m. 1001 M), Abu al-Qasim (m. 1053 M) Abu Mas'ud Sulaiman, Abu Muhammad Ammar dan Abu al-Fadl Abbas bin Amr.

Dalam bidang fiqah, tokohnya yang terawal ialah Asad bin al-Furat. Beliau merupakan salah seorang pendorong ke arah pembukaan pulau Sicily dan sangat alim dalam fiqah mazhab Maliki dan Hanafi dan pernah menjadi Kadi Qairuwan. Beliau telah menghasilkan karyanya berjudul *Asadiyyah* yang mengandungi fatwa-fatwa gurunya, Ibn al-Qasim. Pada zaman pemerintahan Aghlabiyah banyak kitab fiqah mazhab Maliki ditulis di Sicily, di antaranya ialah oleh Yahya b. Umar (m. 903 M).

Dalam bidang ilmu Kalam (teologi) telah muncul Abd al-Haqq bin Muhammad bin Ibn Zaraf. Kedua-duanya mengikut aliran pemikiran Ash'ari. Keduanya ialah al-Mazari. Beliau bukan sahaja seorang ulama kalam tetapi juga ulama fiqah. Beliau telah membuat kritikan terhadap al-Juwayni.

Dalam bidang tasawuf telah lahir tokoh-tokohnya yang terbilang termasuklah Abu Bakar Muhammad, Sa'id bin Sallam dan Abu Hasan Ali.

Bidang-bidang lain yang berkembang di Sicily ialah sejarah dengan tokohnya, Abu Zayd al-Ghumari, dari keturunan Barbar, yang telah menulis sejarah Sicily.³³ Dalam bidang Botani ialah Abdullah yang telah menterjemah buku botani karangan Dioscorides. Dalam bidang astronomi, khususnya matematik ialah Abu Abdullah bin al-Qarani. Ada dikalangan tokoh-tokoh intelektual Islam Sicily mempelajari falsafah dan sains Yunani dalam bahasa Yunani. Dalam bidang kimia pula ialah Abu Sa'id bin Ibrahim yang telah menulis buku mengenai farmasi. Abu Bakar al-Qiqilli pula terkenal sebagai ahli fizik dan guru kepada Ibn Abi Ussybi'ah juga seorang ahli fizik. Begitu juga Abu al Abbas Ahmad bin Abdul Salam telah menulis suatu komentar tentang karya-karya perubatan Ibn Sina. Sains dan Kesenian Islam di Sicily berkembang maju pada zaman Abu Futuh Yusuf, pemimpin kerajaan Bani Kalb.

Dalam bidang bahasa dan sastera ramai tokoh dari Sepanyol telah berhijrah ke Sicily, di antaranya ialah penyair, Musa bin Asbagh dan ahli bahasa, Sa'id bin Fat'hun. Di kalangan tokoh-tokoh tempatan pula ialah Abu Abdullah Muhammad al-Kattani. Beliau meninggal dunia di Isfahan pada tahun 1118 M. Tokoh-tokoh bahasa dan sastera seterusnya ialah Muhammad b. Khurasan, Sa'id bin Hasan (m. 995 M) dan Tahir bin Muhammad al-Raqabani yang terkenal sebagai penyusun kamus. Begitu juga anaknya, Ali, terkenal dalam bidang sastera Arab Tahiliyah.

Tokoh yang paling terkenal dalam bidang bahasa dan sastera di Sicily ialah Ibn Rashiq (Abu al-Hasan bin Rashiq) (100-1063 M). Beliau dilahirkan di Masilah (M'silah) di Afrika utara dari keturunan Rom (digelar Rumi). Mendapat pendidikan di Qayrawan (Tunisia). Beliau terkenal dalam bidang syair. Ibn Rashiq adalah seorang penyair klasik dan selalu menggunakan teori dan kaedah syair Arab dengan betul. Di antara karyanya yang paling popular berjudul *al-Umdah fi Sina'at al-Shi'r wa Naqdih*. Karya ini pernah dianggap karya terbaik dalam bidang kritikan sastera Arab.³⁴ Banyak karyanya dihasilkan sewaktu beliau berpindah ke Sicily, tetapi kesemuanya tidak dapat ditemui hingga ke hari ini. Beliau meninggal di Mazara (Sicily) pada tahun 1063 M.

Tokoh yang kedua penting ialah Ibn al-Birr (Abu Bakar Muhammad bin Ali). Beliau terkenal dalam bidang filologi dan perkamusan, dilahirkan di Sicily di akhir abad ke-10 M. Beliau pernah belajar di Iskandariah (Mesir) dan Mahdiah (Afrika utara) dan kembali ke tanah air pada akhir-akhir pemerintahan Bani Kalb. Beliau pernah bertemu dengan Ibn Rashiq di Mazara. Dari sana beliau berpindah ke Palermo di mana beliau meninggal dunia (1068 M). Di antara sumbangan beliau ialah menghidupkan semula tradisi syair aliran al-Mutanabbi. Beliau juga bertanggungjawab menyusun semula kamus karangan Jawhari.³⁵ Dan ramai lagi tokoh bahasa dan sastera yang muncul di Sicily pada zaman pemerintahan Islam.³⁶

SICILY JATUH KE TANGAN NORMAN

Sewaktu bangsa Norman muncul di selatan Itali pada permulaan abad ke-11 M kawasan tersebut terbahagi kepada beberapa unit politik; sebahagiannya dikuasai oleh tentera Byzantine dan sebahagiannya yang lain memerintah sendiri atau menjadi imarah-imarrah Lombard. Lama-kelamaan kaum Norman bertapak kukuh di selatan Itali berikutan kemunculan pemimpin mereka yang terkenal iaitu Roger dan Robert Guiscard. Mereka ini telah berjaya menewaskan tentera Byzantine di selatan Itali. Setelah itu mereka mengalih pandangan ke Sicily. Sepertimana yang dinyatakan lebih awal bahawa Sicily merupakan sebuah pulau yang kaya dan subur. Kewujudan orang-orang Islam di situ dianggap sebagai ancaman besar terhadap kekuasaan mereka di selatan Itali. Dalam pada itu umat Islam di Sicily sedang berperang sesama sendiri. Ibn al-Thumna dikatakan telah meminta pertolongan daripada kaum Norman bagi membantunya dalam perang saudara itu. Sebagai

balasannya, sebahagian daripada Sicily akan diserahkan sebagai sebab-sebab utama kepada kejatuhan kerajaan Islam Sicily ke tangan bangsa Norman. Tokoh utama kaum Norman yang mengambil daya utama menyerang Sicily ialah Roger.

Roger mula menyerang Sicily pada tahun 1060 M. Beliau mendarat di Reggio dan dari sana beliau menyerang Messina. Pada tahun berikutnya beliau datang lagi menyerang Messina dan pada kali ini beliau dijemput oleh Ibn al-Thumna, tetapi berakhir dengan kegagalan. Kekuatan tentera Islam di Sicily telah disedari oleh Roger, lalu beliau meminta bantuan daripada saudaranya, Robert Guiscard dan datang menyerang Messina (pada ketika itu menjadi benteng pertahanan pulau Sicily) dengan tentera yang ramai. Akhirnya mereka berjaya menawan Messina. Setelah itu mereka mara ke kawasan-kawasan lain hingga ke Palermo. Tentera Islam tidak mudah menyerah kalah. Hanya pada bulan Januari tahun 1072 M barulah Palermo jatuh ke tangan mereka. Walaupun Palermo jatuh, namun orang-orang Islam di Val Demone masih kuat bertahan: begitu juga di kawasan Trapani dan sekitarnya masih di tangan orang Islam. Pada masa inilah lahir seorang Panglima Islam yang dikenali dengan nama Benarvet (Ibn Abbad).

Ibn Abbad telah berjuang mempertahankan serangan tentera Norman di kawasan timur Sicily dari tahun 1072 hingga tahun 1086. Beliau telah berjaya menewaskan anak Roger pada tahun 1075 dekat Catania dan berjaya merampas semula bandar Catania pada tahun 1081. Pada tahun 1085 beliau telah menghantar ekespedisi dari Calabria. Beliau akhirnya terbunuh dalam pertempuran laut pada tahun 1086. Setelah itu tentera Islam tidak berdaya lagi menangkis serangan Norman yang semakin agresif. Bandar Islam terakhir, Noto, telah jatuh ke tangan Norman pada tahun 1091 M. Dengan itu maka berakhirilah pemerintahan Islam di Sicily.

Kerajaan feudal Norman dikatakan mengamalkan sikap toleransi terhadap kaum Muslimin di Sicily. Roger sendiri telah memberi jaminan keselamatan nyawa orang-orang Islam dan memberi kebebasan mereka mengamalkan agama dan hukum-hukum Islam. Beliau pernah dituduh oleh orang Kristian Sicily sebagai penyokong dan penganut agama Islam. Beliau seterusnya memberi peransang dan galakan ke arah pertumbuhan intelektual di kalangan kaum Muslimin, serta mengekalkan sistem pentadbiran Islam di Sicily; pegawai-pegawai beragama Islam terus bertugas di bawah pemerintahannya.

Pada zaman Norman kaum peniaga di Palermo kebanyakannya terdiri daripada kaum Muslimin. Di sektor pertanian juga dikuasai oleh kaum Muslimin. Mereka telah menunjukkan

keupayaan dan kebolehan mereka dalam bidang tersebut sepertimana yang dilakukan oleh saudara-saudara mereka di Sepanyol. Tidak kurang dari dua juta orang Islam yang tinggal di sekitar Lembah Mazara pada zaman Norman.

Sains dan perubatan berkembang maju di Sicily pada zaman ini. Istana Roger menjadi tumpuan pakar-pakar perubatan dan pakar-pakar fizik. Bahasa Arab menjadi bahasa rasmi negara. Pada zaman ini juga karya-karya Plato dan Aristotle diterjemah ke bahasa Arab. Selepas zaman Roger, perkembangan pemikiran, bahasa, sains dan budaya Islam menjadi terbantut dan lumpuh oleh kerana dasar pemerintahan yang berubah.

Dari intisari sejarah Sicily yang dipaparkan di atas dapatlah ditarik beberapa kesimpulan untuk dijadikan pengajaran dan iktibar.

Orang Islam Sicily telah berjaya mencipta sejarah bukan sahaja dari sudut politik dan ketenteraan tetapi juga dari sudut pembinaan tamadun dan ilmu pengetahuan. Aqidah adalah menjadi teras perjuangan mereka. Pemerintah Islam Sicily telah mengamalkan walaupun tidak sepenuhnya, undang-undang Syariat bagi mengatur dan mentadbir masyarakat dan negara.

Dari sudut tamadun boleh dibahagikan secara kasarnya kepada dua bidang; keagamaan dan sekular. Dalam bidang keagamaan masyarakat Islam Sicily telah melahirkan ramai tokoh ulama usuludin (ahli teologi) dan fiqah. Di samping ilmu-ilmu agama mereka juga terkenal dalam bidang ilmu-ilmu sekular seperti bahasa dan kesusasteraan, falsafah, sejarah, geografi, matematik, sains dan perubatan.

Bidang senibina merupakan salah satu bidang penting dalam peradaban Islam di Sicily. Masjid merupakan institusi pertama yang mencerminkan seniukir dan senibina Islam; di dalamnya dihiasi dengan tulisan ayat-ayat al-Quran.

Tanpa memperkecilkan sektor pertanian, aspek bandar dan perbandaran merupakan salah satu ciri terpenting bagi kehidupan orang Islam Sicily. Terdapat banyak bandar orang Islam di Sicily termasuklah bandar Palermo dan Val di Nazara. Di bandar-bandar inilah terdapat institusi-institusi agama dan pendidikan, dan di sini jugalah tumbuh dan berkembangnya peradaban orang Islam Sicily.

Pembinaan dan kemajuan bandar-bandar di Sicily adalah merupakan salah satu strategi penting bagi mengukuhkan pengaruh Islam, terutama dari segi sosio-ekonomi, politik dan pendidikan. Tegasnya dari bandarlah orang Islam mula berpengaruh dan setelah itu diperluaskan ke kawasan-kawasan desa. Di bandar terdapat ramai penduduk serta kemudahan-kemudahan yang diperlukan bagi

mengendalikan pentadbiran masyarakat dan negara serta perkembangan budaya. Namun begitu terdapat juga aspek-aspek negatif dari kehidupan di bandar. Ciri-ciri kebudayaan dan kemewahan yang terdapat di bandar boleh membawa kepada keruntuhan akhlak penduduknya jika tidak dikawal dan dibendung. Pengaruh budaya Barat yang tersebar luas di kawasan bandar Sicily telah meninggalkan kesan yang negatif terhadap kehidupan orang Islam. Ramai pemimpin Islam yang hanya mementingkan keseronokan dan hiburan semata-mata. Keadaan ini telah menimbulkan sifat-sifat angkuh, bongkak serta tamak haloba. Justeru itu, maka timbullah perbalahan sesama mereka dan akhirnya berpecah sesama sendiri.

Perpecahan di kalangan pemimpin dan rakyat merupakan salah satu faktor utama kejatuhan pemerintahan Islam di Sicily. Keadaan menjadi lebih buruk lagi apabila timbulnya sentimen perkauman dan mazhab. Dalam pada itu muncul pula golongan anarkis yang cuba melakukan kerosakan dan huru hara di dalam negara. Keadaan ini telah diambil kesempatan oleh pihak musuh yang sentiasa berusaha untuk menjatuhkan umat Islam. Puak Kristian yang dilihat pada lahirnya baik dan jujur tetapi pada hakikatnya merahsiakan rancangan dan niat jahat terhadap umat Islam. Perancangan dan niat jahat itu telah diselenggarakan secara sistematis dan berterusan melalui gerakan "reconquista" oleh tentera Salib sehingga mereka berjaya merampas semula bukan sahaja Sicily tetapi juga Sepanyol dari tangan orang Islam. Perancangan mereka tidak terhenti di situ sahaja tetapi diteruskan pada zaman penjajahan dan hingga ke hari ini dan pada masa-masa yang akan datang.

NOTA KAKI

¹Al-Baladhuri, *Futuh al-Buldan*, h. 235.

²Aziz Ahmad, "A History of Islamic Sicily," *Islamic Surveys*, 10, Edinburgh University Press, Edinburgh, 1975, h. 1.

³Al-Baladhuri, *Futuh al-Buldan*, hh. 235-237.

⁴Aziz Ahmad, *op. cit.*, h. 3.

⁵Ibn al-Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh*, C.J. Tornberg (ed.) Leiden, 1867-74, vi/238-9.

⁶Aziz Ahmad, *op. cit.*, h. 5.

⁷*Ibid.*, h. 5.

⁸Aziz Ahmad, *op. cit.*, h. 5.

⁹M. Azari, *Storia dei Musulmani di Sicilia*, Catania, 1933-1939, jilid 2, h. 14; Aziz Ahmad, *op. cit.*, h. 23.

¹⁰Denis Mack, Smith, *A History of Sicily*, London, 1968, h.6.

¹¹ Aziz Ahmad, *op. cit.*, hh. 23-24.

¹² M. Azari, *op. cit.*, h. 167.

¹³ Ibn al-Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh*, viii, h. 38.

¹⁴ Ibn al-Athir, *op. cit.*, viii, h. 55.

¹⁵ Pemberontakan di Afrika Utara dilakukan oleh puak khawarij pimpinan Abu Yazid antara tahun 943-947 M. Satu demi satu bandar di Tunisia jatuh ke tangannya. Pemberontakan ini merupakan ancaman besar ke atas kerajaan Fatimiyah. Tetapi pemberontakan ini dapat dipadamkan oleh khalifah al-Mansur yang baru berkuasa.

¹⁶ Aziz Ahmad, *op. cit.*, h. 30.

¹⁷ Ibn al-Idhari, *al-Bayan al-Mughrib fi Akhbar al-Maghrib*, Dozy (ed.) Leiden, 1848-51, jilid I, h. 255; Aziz Ahmad, *op. cit.*, h. 32.

¹⁸ Aziz Ahmad, *op. cit.*, h. 33.

¹⁹ D.M. Smith, *A History of Sicily: Medieval Sicily 800-1713*, London, 1968, h. 10.

²⁰ Aziz Ahmad, *op. cit.*, h. 37.

²¹ *Ibid.*

²² D.M. Smith, *op. cit.*, h. 11.

²³ Al-Maqdisi, *Ahsan al-Ta'asim*, De Goeje (ed.), Leiden, 1906, h. 238.

²⁴ Aziz Ahmad, *op. cit.*, h. 38.

²⁵ D.M. Smith, *op. cit.*, h. 7.

²⁶ *Ibid.*, h. 7.

²⁷ E. Curtis, *Roger of Sicily and the Normans in Lower Italy, 1816-1154*, London, 1912, h. 16.

²⁸ Aziz Ahmad, *op. cit.*, h. 40.

²⁹ Yaqut al-Hamawi, *Nu'jam al-Buldan*, Wustenfeld (ed.) Leipzig 1866-70, v/376.

³⁰ Mengenai sejarah intelektual Islam di Sicily pada zaman Bani Kalb dan Aghlabiyah, sila lihat Ihsan Abbas, *al-Arab fi Siqilliyyah*, Kahirah (t.t.), h. 85-126.

³¹ Ibn Khalliken, *Wafayat al-A'yan*, De Slane (ed.), 1839, 1/50.

³² Haji Khalifah, *Kashf al-Zunun*, Flugel (ed.) 1/122-123.

³³ Haji Khalifah, *op. cit.*, 11/135.

³⁴ Sayyad Riyasah Ali, *Ta'rika-i Siqilliyyah*, A'zamgarh, 1933-6, ii/328-32; *Ensiklopedia Sejarah Islam*, jilid 2, hh. 486-487.

³⁵ Rizzitano dalam *Encyclopedia of Islam*, 2nd edition, B. Lewis et. al (ed.) Leiden/London 1960, art. "Ibn al-Birr".

³⁶ Lihat Aziz Ahmad, *op. cit.*, hh. 46-47.